

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 25 NOVEMBER 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 24

Inflasi Malaysia sederhana kepada 1.8% peratus bulan lalu

Inflasi Malaysia sederhana kepada 1.8 peratus bulan lalu

Kadar kenaikan amat terkawal, di tahap terendah sejak April 2021

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kadar kenaikan inflasi di Malaysia terus reda kepada 1.8 peratus pada Oktober 2023, paras terendah sejak April 2021, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata peningkatan amat terkawal kadar inflasi pada bu-

lan lalu didorong kenaikan lebih rendah bagi kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol, iaitu 3.6 peratus berbanding 3.9 peratus pada September 2023.

Beliau berkata, ia diikuti peningkatan perlahan kumpulan hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (1.4 peratus) dan pelbagai barang dan perkhidmatan (2.3 peratus).

Sementara itu, katanya, antara kumpulan utama lain yang menyumbang kepada peningkatan lebih rendah berbanding September 2023 adalah kumpulan minuman alkohol dan tembakau (0.6 peratus) dan pakaian dan kasut.

"Kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol yang menyumbang 29.5 peratus daripada keseluruhan wajaran Indeks Harga Pengguna (IHP) telah merekodkan peningkatan sederhana iaitu 3.6 peratus.

"Komponen makanan di rumah meningkat 2.1 per-

tus berbanding 2.5 peratus yang direkodkan bulan sebelumnya," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

DOSM berkata, kenaikan komponen makanan di rumah adalah didorong terutama oleh subkumpulan beras, roti dan bijirin lain, diikuti oleh subkumpulan susu, keju dan telur dan daging yang masing-masing 3.1 peratus dan 2.1 peratus.

Komponen makanan luar rumah meningkat perlaha-

Sementara itu, komponen makanan di luar rumah meningkat perlaha kepada 5.6 peratus berbanding 5.9 peratus yang direkodkan pada September 2023.

Antara item yang menunjukkan peningkatan lebih perlahaan adalah burger, ayam goreng hongkong, kemampunan industri pengeluaran ayam tempatan.

Subkumpulan daging yang merangkumi ayam, lembu, babi, kambing, kerbau dan itik mere-

da kepada 2.1 peratus pada bulan lalu.

Ayam yang menjadi komponen terbesar merangkumi 46.1 peratus dalam subkumpulan daging mencatatkan penurunan negatif 0.7 peratus berbanding 0.9 peratus pada bulan September 2023.

Purata harga ayam standard di Malaysia menurun kepada RM10.02 sekilogram berbanding RM10.07 sekilogram pada Oktober 2022.

Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mengumumkan pengapungan harga ayam bermula 1 November lalu bagi mengelakkkan ketirisan subsidi yang dinikmati oleh warga

asing dan golongan berpendapatan tinggi selain untuk menyokong kemampuan industri pengeluaran ayam tempatan.

Walau bagaimanapun, kerajaan masih meneruskan subsidi bagi telur gred A, B dan C.

Inflasi pengangkutan pula tidak mencatatkan sebarang peningkatan pada Oktober 2023 berikutan harga petrol RON97 yang ditetapkan pada Oktober 2023 adalah lebih rendah iaitu RM3.47 seliter berbanding RM3.96 seliter pada Oktober 2022.

Dalam pada itu, Mohd Uzir berkata, kebanyakan negeri merekodkan peningkatan di bawah puras nasional 1.8 peratus meskipun empat negeri merekodkan peningkatan melebihi puras inflasi nasional iaitu Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.7 peratus), Sarawak (2.5 peratus), Perak (2.2 peratus) dan Selangor (1.9 peratus).

Bagi perbandingan dengan negara terpilih, inflasi di Malaysia adalah lebih rendah berbanding Filipina (4.9 peratus), Korea (3.8 peratus), Vietnam (3.6 peratus) dan Indonesia (2.6 peratus).

Namun, kadar berkenaan lebih tinggi berbanding China (0.2 peratus) dan Thailand (-0.3 peratus).

